



KENYATAAN RASMI

PENANGGUHAN KEMASUKAN SEMULA PELAJAR POLITEKNIK KUCHING SARAWAK PADA OKTOBER 2020 (PINDAAN 1)

Merujuk kepada kenyataan media YB Menteri Pengajian Tinggi bertarikh 02 Oktober 2020 berkaitan Penangguhan Pendaftaran Secara Fizikal/Bersemuka Pelajar IPT Kemasukan Oktober 2020, kenyataan media Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak Bilangan 238/2020 bertarikh 01 Oktober 2020 dan Kenyataan Rasmi Politeknik Kuching Sarawak bertarikh 28 September 2020, dengan ini dimaklumkan kemasukan semula pelajar Politeknik Kuching Sarawak (PKS) pada Oktober 2020 adalah seperti berikut:

- i. Kemasukan semula semua pelajar semester 2 dan 3 program diploma JKA, JKE, JKPK, JKM dan JTMK **secara bersemuka di kampus ditangguhkan** ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian. Sesi Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) akan diteruskan secara dalam talian.
- ii. Kemasukan semula semua pelajar semester 2, 3 dan 4 program diploma Jabatan Perdagangan **secara bersemuka di kampus ditangguhkan** ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian. Sesi PdP akan diteruskan secara dalam talian.
- iii. Kemasukan semula semua pelajar **selain kumpulan (i) dan (ii) dari Sabah/Labuan/Semenanjung dan Kawasan Zon Merah secara bersemuka di kampus ditangguhkan** ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian. Sesi PdP akan diteruskan secara dalam talian.
- iv. Kemasukan semula semua pelajar **selain kumpulan (i), (ii) dan (iii) secara bersemuka** di kampus **diteruskan** bermula pada 05 Oktober 2020. Pendaftaran asrama bagi pelajar yang ditawarkan asrama dalam kumpulan ini adalah pada **03 Oktober 2020**.

Perkara ini adalah tertakluk kepada perubahan terkini yang akan dimaklumkan dari semasa ke semasa dalam portal dan media rasmi PKS. Semua pelajar juga diingatkan untuk terus mengambil langkah pencegahan seperti kerap mencuci tangan, memakai pelitup muka dan mengamalkan penjarakan fizikal. PKS prihatin mengenai kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan pelajar-pelajar, staf dan semua pihak yang terlibat.

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi Ketua Jabatan Akademik atau Penasihat Akademik (PA) masing-masing untuk keterangan yang lebih lanjut.

JAMALIAH BINTI AHMAD
Pengarah
Politeknik Kuching Sarawak

02 Oktober 2020



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

KENYATAAN MEDIA

PENANGGUHAN PENDAFTARAN SECARA FIZIKAL/BERSEMUKA PELAJAR IPT KEMASUKAN OKTOBER 2020

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) amat prihatin dengan pandangan pelbagai pihak serta kebimbangan yang disuarakan oleh para pelajar, ibu bapa dan masyarakat dengan peningkatan kes COVID-19 yang berlaku hanya selang beberapa hari sahaja dari tarikh kemasukan pelajar baharu ke universiti.

KPT turut prihatin mengenai kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan pelajar-pelajar, staf universiti dan semua pihak yang terlibat.

Justeru, KPT mencadangkan kepada semua Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) untuk menangguhkan dahulu pendaftaran secara fizikal/bersemuka pelajar-pelajar baharu dan lama ke kampus. Semua urusan pendaftaran pelajar boleh dilaksanakan secara dalam talian, begitu juga aspek pengajaran dan pembelajaran sehingga pengumuman baharu mengenainya dibuat.

Keputusan menangguhkan pendaftaran secara fizikal/ bersemuka pelajar-pelajar yang terlibat perlu dibuat demi memelihara kesejahteraan dan keselamatan semua pihak.

Bagi pelajar yang telah berada di kampus dan sedang mengikuti aktiviti akademik, mereka boleh kekal berada di kampus masing-masing. Pihak IPT diminta membantu segala keperluan yang diperlukan oleh kumpulan pelajar ini.

Sebarang pertanyaan berkaitan pergerakan balik ke kampus serta sesi pengajaran dan pembelajaran boleh dirujuk terus kepada IPT masing-masing.

KPT juga mencadangkan kepada semua IPT supaya menangguhkan semua program atau aktiviti yang melibatkan himpunan di dalam kampus.

KPT juga telah mengambil langkah proaktif berunding dengan syarikat-syarikat penerbangan bagi memohon mempertimbangkan penjadualan semula penerbangan pelajar-pelajar pulang ke kampus khususnya bagi mereka yang telah membeli tiket penerbangan pulang ke IPT masing-masing. Hasil rundingan tersebut, syarikat-syarikat penerbangan telah bersetuju untuk menjadualkan semula penerbangan pelajar sehingga 31 Disember 2020.

Keprihatinan dan kepekaan daripada semua pihak dalam menjaga hal ehwal kebajikan dan kesejahteraan pelajar dan masyarakat amat diperlukan dalam menghadapi situasi semasa berkaitan pandemik COVID-19 ini.

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

2 Oktober 2020



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (01 OKTOBER 2020)

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini **tiada kes** positif COVID-19 dikesan di Sarawak. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **kekal sebanyak 713 kes**.

A. Kluster COVID-19 yang masih aktif.

Hari ini, **tiada kluster** yang aktif di Sarawak.

B. Status Kes COVID-19 Di Dalam Wad Pengasingan Hospital.

Dimaklumkan juga bahawa **tiada kes** baru yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital pada hari ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes postif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini **kekal seramai 682** orang atau **95.65%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasangkan di hospital juga **kekal seramai dua belas (12)** orang iaitu enam (6) di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak, lima (5) di Hospital Miri dan satu (1) Hospital Bintulu.

Tiada kes COVID-19 yang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) pada hari ini. **Tiada** kes kematian baharu dilaporkan pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kematian **kekal seramai 19 orang atau 2.66%**.

Hari ini **dua belas (12) PUI** baru telah dilaporkan dan **satu (1)** kes PUI yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

C. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.

Hari ini, Daerah Kuching dan Daerah Lawas kekal berstatus Kuning dengan Daerah Lawas masih terdapat tiga (3) kes jangkitan tempatan dan Daerah Kuching dengan satu (1) kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Ini menjadikan jumlah daerah yang berstatus Kuning adalah kekal dua (2) daerah dan 38 buah daerah yang lain di Sarawak kekal berada dalam status Hijau.

2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak hari ini telah mengadakan mesyuarat dan mengambil maklum di atas peningkatan kes positif COVID-19 setiap hari di luar Sarawak. Negara Brunei juga telah memperketatkan kemasukan warganegara asing dari pos-pos kawalan sempadan darat mereka. Maka JPBN telah merangka strategi untuk melindungi negeri ini juga daripada terus menerima masuk kes import dari luar Sarawak. **Langkah-langkah yang lebih ketat adalah seperti berikut:**

(Maklumat kes positif COVID-19 negeri dan negara berhampiran Sarawak)

BIL	NEGERI / NEGARA	KES BAHARU 30 SEPTEMBER 2020	KUMULATIF KES 30 SEPTEMBER 2020
1	Filipina	2,391	311,694
2	Indonesia	4,284	287,008
3	Singapura	23	57,765
4	Sabah, Malaysia	35	1,877
5	Brunei	0	146

A. Tatacara Kemasukan Ke Negeri Sarawak Dari Sabah Dan Labuan

- i. Semua warganegara Malaysia dan Bukan Warganegara yang berada di Sabah dan Labuan **TIDAK DIBENARKAN** masuk ke Sarawak mulai **4 Oktober 2020 sehingga 18 Oktober 2020 (14 hari).**
- ii. Rakyat Sarawak yang berada di Sabah dan Labuan dibenarkan balik tetapi perlu memohon melalui aplikasi EnterSarawak dan mengisi *e-Health Declaration Form*. Mereka akan dikenakan **kuarantin di pusat kuarantin selama 14 hari** dan diambil ujian RT-PCR COVID-19 pada hari Ke-2 dan ke-10. Kos kuarantin dan ujian RT-PCR COVID-19 akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri Sarawak.

- iii. Bagi sektor *Oil and Gas*, SOP sedia ada masih diterima pakai.
- iv. Bagi sektor yang dikategorikan sebagai ***Essential Services termasuk Delivery Services***, yang **menggunakan jalan darat**, mereka perlu mendapat Surat Khas dari pada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bahagian yang berkenaan (Miri atau Limbang) dan wajib mengambil ujian RT-PCR COVID-19 sebelum memulakan tugasannya. Ujian seterusnya **wajib diambil pada setiap hari ke-14** sehingga arahan seterusnya.

Bagi mereka yang perlu melalui Negara Brunei Darussalam, mereka perlu patuh kepada semua arahan terkini yang telah dikeluarkan oleh kerajaan Negara Brunei Darussalam

B. Tatacara Kemasukan Ke Negeri Sarawak Dari Semenanjung Malaysia (Mulai 4 Oktober 2020 sehingga 18 Oktober 2020)

- i. Semua warganegara Malaysia dan Bukan Warganegara yang ingin masuk ke Sarawak dari Semenanjung Malaysia perlu memohon kemasukan melalui aplikasi EnterSarawak dan mengisi *e-Health Declaration Form*. Mereka akan dikuarantin selama 14 hari dan ujian COVID-19 diambil pada hari ke-2 dan ke-10. **Kos kuarantin dan ujian COVID-19 akan ditanggung oleh diri sendiri.**

ESSENTIAL SERVICE (BUKAN RAKYAT SARAWAK)

Bagi mereka yang dikategorikan dalam *Essential Services* dan perlu menjalani tugas rasmi di Sarawak, mereka perlu memohon kemasukan melalui aplikasi EnterSarawak dan mengisi *e-Health Declaration Form*. Mereka juga **wajib mengambil ujian RT-PCR COVID-19 tiga (3) hari** sebelum penerangan.

- ii. Rakyat Sarawak yang berada di Semenanjung Malaysia **dibenarkan balik** tetapi perlu, memohon melalui aplikasi EnterSarawak dan mengisi *e-Health Declaration Form*. Mereka akan dipasang wristband dan akan dikenakan kuarantin selama 14 hari dan; diambil ujian RT-PCR COVID-19 pada hari Ke-2.

Jika keputusan ujian adalah negatif, mereka dibenarkan balik ke rumah untuk menyambung baki hari kuarantin dan diberi Home Surveillance Order (HSO).

Mereka dikehendaki untuk ke Klinik Kesihatan yang terdekat untuk mengambil ujian RT-PCR COVID-19 pada hari Ke-10. Kos kuarantin dan ujian RT-PCR COVID-19 akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri Sarawak.

ESSENTIAL SERVICE (RAKYAT SARAWAK)

Bagi Rakyat Sarawak mereka yang dikategorikan dalam *Essential Services* dan perlu menjalani tugas rasmi di Semenanjung, mereka dibenarkan ke Semenanjung Malaysia dan perlu memohon kemasukan melalui aplikasi EnterSarawak dan mengisi *e-Health Declaration Form*.

Mereka juga wajib mendapat kelulusan daripada ketua jabatan masing-masing dan memuatnaik surat rasmi tersebut serta surat jemputan ke mesyuarat ke aplikasi EnterSarawak sebelum **dibenarkan pulang tanpa kuarantin di pusat kuarantin.**

Mereka akan di swab setiba di Sarawak dan dipasang wristband dan akan **dikenakan kuarantin Home Surveillance Order (HSO)** sehingga keputusan ujian tersebut negatif.

Bagi mereka yang mempunyai rT-PCR COVID-19 yang negatif (yang sah untuk 14 hari), mereka boleh memuatnaik keputusan negatif tersebut ke dalam aplikasi EnterSarawak serta surat rasmi tersebut serta surat jemputan ke mesyuarat sebelum **dibenarkan pulang tanpa kuarantin di pusat kuarantin**

C. Tatacara Kemasukan Ke Negeri Sarawak Dari Luar Negara

Bagi kemasukan dari luar negara ke negeri Sarawak, SOP terdahulu masih berkuatkuasa.

Semua Arahan ini berkuatkuasa mulai 4 Oktober 2020 – 18 Oktober 2020.

3. LAPORAN NOTIS AMARAN / KOMPAUN / SITAAN

Pihak PDRM telah mengeluarkan **dua (2) notis** kompaun di Betong (1) dan Sarikei (1) kerana tidak mematuhi Garis panduan (SOP).

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **123 amaran lisan, bertulis dan sitaan** di kawasan seliaan BDA (40), MD Marudi (36), DBKU (18), SMC (17), MPKS (5), MBKS (3), MD Serian (3) dan MD Sarikei (1).

4. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)

PDRM akan terus memperketatkan Garis Panduan (SOP) termasuk pemakaian pelitup topeng muka di tempat awam. Hari ini sebanyak **1,602 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (173), Restoran (293), Kilang (5), Bank (118), Pejabat Kerajaan (51), Penjaja (42), Pasar Tani/Awam (72), Tempat Ibadah (69), Tempat Riadah (41), Tapak Pembinaan (12) dan lain-lain (726).

Seramai **563 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (266), ATM (35), RELA (109), APM (87), PBT (37) dan lain-lain agensi (2).

5. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG

Hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah bersempena dengan Op Benteng iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Daripada 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **2,098** jumlah kenderaan telah diperiksa.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives
Jaga Sarawak Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK
01 OKTOBER 2020
5.00 PETANG**

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Kes Terdahulu		713	Kes sedang dirawat di hospital	12	1.68%
Kes Baharu		0	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel		113,594	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>intubated</i>)	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan		713	Jumlah kes kematian	19	2.66%
IR per 100,000 penduduk		23.11	Kes telah sembuh dan discaj	682	95.65%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	Kumulatif	<i>Patient Under Investigation (PUI)</i>	Baru	Kumulatif
Negatif	12	9,032		12	9,746
Menunggu keputusan	1	1			

Status Semasa		SGH Kuching	Hospital Sibu	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital		6	0	1	5	0	12
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>		0	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>Intubated</i>)		0	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian		17	0	0	2	0	19
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	0	0	0	0	0	0
	Kumulatif	575	35	38	32	2	682
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital (<i>Re-tested Positive</i>)		9	9	3	1	0	22

DAERAH KUNING (2)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lawas	0	17	0	4	0	1	0	0	3	3	3
2	Kuching	7	6,466	0	435	0	417	0	12	6	7	1
Jumlah		7	6483	0	439	0	418	0	12	9	10	4

Sumber: CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH HIJAU (38)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Serian	2	310	0	24	0	24	0	0	0	0	0
2	Bintulu	1	289	0	39	0	38	0	0	1	1	0
3	Lundu	0	246	0	3	0	3	0	0	0	0	0
4	Bau	1	176	0	6	0	6	0	0	0	0	0
5	Samarahan	1	565	0	112	0	108	0	4	0	0	0
6	Sibu	0	110	0	11	0	11	0	0	0	0	0
7	Simunjan	0	61	0	8	0	8	0	0	0	0	0
8	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
9	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
10	Limbang	0	31	0	9	0	8	0	1	0	0	0
11	Miri	0	836	0	26	0	23	0	1	2	2	0
12	Asajaya	0	43	0	5	0	5	0	0	0	0	0
13	Sri Aman	0	52	0	3	0	2	0	1	0	0	0
14	Betong	0	188	0	16	0	16	0	0	0	0	0
15	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
16	Matu	0	5	0	1	0	1	0	0	0	0	0
17	Sarikei	0	92	0	6	0	6	0	0	0	0	0
18	Sarawak	0	26	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Lubok Antu	0	21	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Tatau	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Daro	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Kapit	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
38	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		5	3,263	0	274	0	264	0	7	3	3	0

Jumlah Besar	12	9,746	0	713	0	682	0	19	12	13	4
---------------------	----	-------	---	-----	---	-----	---	----	----	----	---

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Pada hari ini, seramai **59 Person Under Surveillance** (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **12 buah hotel** adalah seramai **870 orang**. Manakala seramai **24,729 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 01.10.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (536)	Hock Lee	103
2		Harbour View	232
3		Riverside (Astana Wing)	201
4	Miri (193)	Eastwood Valley	75
5		Dynasty	118
6	Bintulu (14)	Wasan Inn	0
7		Motel Kapok	10
8		Faber Inn	4
9	Limbang (42)	Purnama	3
10		Mandarin (Lawas)	8
11		Shangshan	31
12	Sibu (85)	Premier	85
Jumlah PUS			870

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Pada hari ini, sebanyak **7 lokasi di Kuching (4), Serian (1) dan Sibu (1) dan Limbang (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,684 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 01.10.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	OPERASI SEMASA	OPERASI TERKUMPUL
1	Kuching	4	530
2	Miri	TIADA	303
3	Sibu	1	169
4	Samarahan	TIADA	119
5	Bintulu	TIADA	113
6	Sarikei	TIADA	110
7	Limbang	1	80
8	Serian	1	64
9	Betong	TIADA	54
10	Kapit	TIADA	49
11	Mukah	TIADA	48
12	Sri Aman	TIADA	45
Jumlah Keseluruhan			1,684

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Hari ini, sebanyak **49 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 01.10.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	MP Padawan	3
2	MD Serian	3
3	MD Sri Aman	6
4	MP Sibu	9
5	BDA	2
6	MCC	13
7	MD Marudi	5
8	MD Lawas	8
Jumlah		49